

# Musnah se

Sinar Harian

Hulu Langat antara kawasan paling terjejas akibat banjir

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

## HULU LANGAT

**B**anjir yang melanda lapan negeri pada musim monsun timur laut tahun ini menyaksikan lebih 61,000 orang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS), dengan Selangor menjadi negeri paling teruk terjejas sehingga sesetengah kawasan boleh diibaratkan seperti dilanda tsunami.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati banyak kemusnahan di seluruh negara dengan kenderaan ditenggelami air dan beberapa buah rumah dihanyutkan arus deras seperti di Hulu Langat, Selangor.

Beratus-ratus rumah penduduk di Taman Sri Nanding di sini ditenggelami air hingga paras bumbung, menyebabkan kerugian harta benda yang begitu besar.

Seorang penduduk, Rohana Mahfodz, 76, kehilangan rumah pusaka milik arwah ayahnya, Mahfodz Ariff ketika banjir membadai rumah tersebut pada Jumaat malam.

Menurutnya, sebelum kejadian tersebut berlaku, dia sempat menyelamatkan

kereta dan bergegas lari ke rumah jiran di atas bukit dalam keadaan sehelai sepinggang.

“Sekitar jam 11 hingga 12 tengah malam, saya dengar bunyi pokok tumbang.

“Lepas subuh, saya melihat rumah tersebut dari atas bukit dan mendapati rumah saya sudah tiada di situ,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Kampung Jawa, di sini pada Isnin.

Seorang lagi penduduk, Ramlee Ahmad, 49, pula berkata, dia bersama isteri dan seorang anak yang berada di atas bot mereka hanya mampu melihat rumahnya hanyut perlahan-perlahan dibawa arus Sungai Lui, di sini ketika banjir melanda.

“Rumah mula roboh sedikit demi sedikit pada jam 11 malam, saya dan keluarga hanya mampu melihat sahaja dari atas bot sambil berpaut pada pokok buluh selama 7 jam hingga 6 pagi.

Baru hendak pulih selepas perniagaan terjejas susulan penularan Covid-19, kini peniaga di sekitar kawasan Batu 14, Hulu Langat, terpaksa pula menanggung kerugian besar akibat banjir yang melanda kawasan itu dua hari lepas.

Tinjauan *Bernama* di Batu 14 di sini mendapati, kebanyakan premis perniagaan di kawasan tersebut masih bersalut lumpur serta mengalami pelbagai kerosakan.



Penduduk Kampung Sungai Serai, Hulu Langat mula membersihkan kediaman masing-masing selepas banjir mulai surut ketika tinjauan pada Isnin.

# kelip mata

2021 (21/12/2021) M/S 02



Antara kemusnahan harta benda penduduk yang terjejas akibat banjir yang melanda di Hulu Langat.

## Rumah pusaka tinggal tangga

**HULU LANGAT** - Rohana Mahfuz, 75, hanya mampu termenung melihat rumah pusaka keluarganya yang berusia lebih 50 tahun dihanyutkan selepas kawasan tersebut dilanda banjir dua hari lepas.

Rumah pusaka keluarga, Rohana, yang berusia lebih 50 tahun hanya tinggal tangga batu ketika tinjauan di Batu 18, Kampung Jawa, Hulu Langat,


Selangor.

Sebelum ini, adiknya, Rodiah, 56, yang menetap di Bangsar, pada mulanya tidak percaya rumah pusaka tersebut dihanyutkan, namun setelah menerima beberapa gambar rumah itu menerusi WhatsApp kiriman kakaknya (Rohana) barulah dia percaya kejadian itu benar-benar berlaku.

**SEBELUM**



**SELEPAS**



Rumah pusaka Rohana sebelum dan selepas dilanda banjir di Kampung Jawa, Hulu Langat.